

“Jika jalan cerita filem itu nampak menarik, baru saya akan pergi beli tiket Zaidatul Husniah Zulkifli”

‘TONTON WAYANG LEGA TEKANAN’

■ Zaidatul gemar melakukan aktiviti santai jika tiada latihan



Zaidatul (kiri) gemar mengisi waktu lapang dengan menonton wayang daripada beli belah

PROFIL Zaidatul Husniah Zulkifli

Asal: Alor Setar, Kedah
Umur: 24 tahun
Tinggi: 157sm
Berat: 42kg
Pencapaian
2017
Memperbaharui rekod 100m kebangsaan dengan catatan 11.45s di Kejohanan ASA Speed Series 2, Bloemfontein, Afrika Selatan
2016
Beraksi di Sukan Olimpik Rio
2015
Beraksi di Sukan Universiti Dunia di Korea Selatan

Saiful Affendy Sapran
saifulaffendy@hmetro.com.my

Menjadi Zaidatul Husniah Zulkifli sememangnya agak ‘sukar’ kerana dengan status selaku pelari pecut wanita negara sudah tentu dia perlu melalui rejim latihan dan jadual padat setiap hari.

Semua itu bagi memastikan dia sentiasa berada di tahap terbaik demi memenuhi setiap sasaran dan cita-cita di dalam kariernya.

Pasti sukar juga untuk atlet berusia 24 tahun itu mencari masa lapang dan hanya hobi ringkas serta tidak terlalu berat akan menjadi pilihannya.

Sebab itu Zaidatul lebih gemar menjadikan aktiviti menonton wayang sebagai hobi utamanya di masa lapang.

“Bagi saya menonton wayang antara hobi utama yang akan dilakukan apabila ada masa lapang.

“Kalau keluar nak pergi membeli belah badan pun rasa penat. Kaki sudah tak larat nak jalan sebab setiap hari menjalani aktiviti sama

ketika latihan.

“Sebab itu lebih baik untuk saya pergi menonton wayang. Saya hanya akan duduk dan menikmati filem ditayangkan.

“Lepas habis menonton wayang pergi makan. Mudah,” katanya memulakan cerita.

Jelas pemegang rekod kebangsaan acara pecut 100 meter itu, kebiasaannya dia akan pergi menonton wayang bersama rakan-rakan yang turut menggemari hobi sama.

“Setakat ini tak pernah pula saya pergi seorang diri. Sebab rasa tak seronok. Biasanya saya akan pergi menonton dengan rakan-rakan yang juga atlet,” katanya.

Ditanya apakah genre filem digemarinya, Zaidatul berkata, dia akan menyaksikan apa saja jenis filem de-



RAKAN-rakan atlet kerap menemani Zaidatul untuk menonton wayang

ngan syarat filem itu berkualiti.

“Biasanya saya akan melihat dulu satu-satu filem baru di Youtube. Jika jalan cerita filem itu nampak menarik, baru saya akan pergi beli tiket dan menonton.

“Antara yang paling saya gemar tengok adalah filem aksi seperti Fast and Furious.

“Tapi saya juga gemar menonton filem seram dan kisah cinta.

“Tak kisah sama ada ia filem luar atau tempatan, jika jalan ceritanya menarik, saya akan tonton,” katanya.

Paling menarik jelas Zaidatul, dia pernah menonton wayang secara berterusan.

“Contohnya selepas menonton satu filem, saya akan

menonton yang lain pula selepas itu. Itupun akan saya lakukan kalau ada masa yang benar-benar panjang selain duit lebih.

“Dalam tempoh seminggu, sekurang-kurangnya saya akan menonton wayang sekali,” katanya.

Pelajar tahun tiga Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berkata, dengan menonton wayang, ia sedikit-sebanyak dapat menghilangkan rasa tekanan dialaminya setiap hari.

“Mungkin juga dapat hilangkan tekanan tapi untuk saya ia adalah salah satu cara mengisi masa lapang dengan aktiviti santai.

“Lagipun menonton filem adalah antara hobi utama saya,” katanya.